

Ucapan: ADHO
406
25/80

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran, Enche Hussein Onn
di-upachara Penyampaian Diploma Pelajar2 Maktab
Teknik, Kuala Lumpur pada 12hb Disember, 1970,
pukul 4.00 petang.

Saya, sabagai Menteri Pelajaran yang baharu, berasa bertuah kerana dapat hadhir bersama2 dengan tuan2 sekalian dan menyampaikan pula diploma2 kepada pemuda2 dan pemudi2 yang tamat pengajian mereka di-Maktab ini. Saya berasa gembira kerana bilangan siswazah2 yang lulus tiap2 tahun di-Maktab ini bertambah ramai dan ini menunjukkan bahawa jenerasi muda yang mempunyai minat terhadap pelajaran teknologi tetapan bertambah. Ini adalah perlu bagi negara kita yang sedang membangun dan berkurangan pula ahli2 teknik-nya.

Pada tahun ini bilangan siswazah2 yang akan menerima diploma ialah 198 orang dan 8 daripada-nya wanita. Saya tertarek hati juga kerana bertambah ramai lagi bilangan wanita2 muda kita mengambil bahagian dalam lapangan pelajaran teknik.

Oleh kerana kita memerlukan ramai ahli2 teknik, pengambilan penuntut2 yang masok ka-Maktab ini telah di-tambahkan lagi. Dengan ini Maktab ini dapat mengeluarkan 400 orang Siswazah sa-tahun di-masa2 akan datang. Pada tahun ini pun bilangan penuntut telah di-gandakan. Hasil-nya akan di-ketahui di-dalam tahun 1973 iaitu dari keputusan peperiksaan akhir penuntut2 yang ada di-tahun satu hari ini.

Sukachita-lah saya menyatakan bahawa dengan bertambah-nya bilangan penuntut2, maka terpaksa pula di-tambah dan di-perbesarkan kemudahan2 yang ada di-Maktab ini. Saya suka mengumumkan bahawa satu bangunan Dewan Sharahan 4 Tingkat akan di-mulakan pembenaan-nya tidak lama lagi di-kawasan Maktab Teknik ini.

Saya suka menyatakan bahawa sebuah Asrama, tambahan perpustakaan, Dewan Perhimpunan baharu telah di-ranchangkan untuk Maktab ini. Kemudahan2 ini di-buat oleh Kerajaan untuk penuntut2 supaya pelajaran yang sa-lengkap2-nya dapat di-perolehi. Dengan ada-nya kemudahan2 ini saya berharap pelajaran yang di-chapai oleh penuntut2 di-Maktab Teknik ini akan bertambah baik dan tinggi mutu-nya. Dengan ini juga Maktab ini dapat mengeluarkan siswazah2 yang penuh bakat dan semangat untuk pembangunan dan kemajuan negara ini.

Saya faham Maktab ini memang menghadapi kekurangan pensharah. Walau bagaimana pun, pada hari ini saya menerangkan bahawa bilangan pensharah di-Maktab ini akan di-tambah. Pada tahun 1971 bilangan jawatan pensharah akan bertambah kepada 65. Dengan ini nyata-lah bahawa kekurangan pensharah yang sedang berlaku pada hari ini akan kita atasi. Dalam hal ini saya suka menyeru cherdek pandai di-dalam bidang teknik tampil ka-hadapan dan menyahut seruan Kerajaan supaya berkhidmat di-Maktab Teknik kita ini.


Kementerian Pelajaran mengambil perhatian berat terhadap pelajaran teknik. Sehingga tahun 1969, 7 buah sekolah2 Vokeshenal telah di-bena untuk menjalankan pelajaran2 teknikal iaitu sebuah di-tiap2 tempat berikut : Ipoh, Johor Bahru, Kuantan, Pulau Pinang, Butterworth, Alor Star dan Pengkalan Chepa. Selain dari itu 2 buah sekolah Vokeshenal telah di-bena di-Rembau dan di-Chenor untuk pelajaran pertanian. Adalah di-ranchangkan pada tahun2 yang akan datang banyak lagi sekolah Vokeshenal akan di-dirikan. Minat terhadap pelajaran teknik dan vokeshenal di-kalangan penuntut2 kita sangat-lah menggalakkan. Beberapa tahun yang lalu, kita menentukan bahawa hanya penuntut2 yang mendapat Sijil SRP Vokeshenal, di-tempatkan belajar di-Sekolah2 Vokeshenal dan Teknik. Tetapi suka saya menyatakan kepada ibubapa sekalian bahawa kali ini ramai murid2 yang mendapat Gred A dan B di-dalam Peperiksaan SRP memohon melanjutkan pelajaran menengah mereka dalam bidang teknik dan vokeshenal. Ini sangat menggalakkan oleh kerana ibubapa yakin bahawa pelajaran teknik dan vokeshenal dan memperlangkapkan anak2 mereka untuk mendapatkan pekerjaan dan penghidupan yang baik.

Kapada Siswazah2 yang berjaya di-dalam peperiksaan mereka baharu2 ini dan menerima diploma masing2 pada hari ini saya ucapkan tahniah. Ada pula di-antara siswazah2 ini yang berchita2 untuk melanjutkan pelajaran kepada perengkat yang lebeh tinggi. Kapada mereka ini segala galakan dan dorongan akan di-beri, saya berharap Siswazah2 Maktab ini akan berjaya menyelenggarakan tugas masing2 di-mana sahaja mereka berada. Siswazah2 sekalian, jangan-lah hendak-nya semata2 ingin bekerja di-bandar2 sahaja tetapi hendak-lah keluar dan berkhidmat di-kampong2 di-mana ra'ayat kita memerlukan pimpinan dan panduan yang lebeh di-dalam bidang teknik. Dengan berbuat demikian, pengetahuan yang siswazah2 pelajari di-sini selama beberapa tahun ini akan dapat di-pergunakan dengan sapenoh2-nya terhadap masharakat yang memerlukan kemajuan. Kemajuan ini adalah kemajuan dari segi ilmu pengetahuan serta ekonomi iaitu meliputi kemajuan sosial serta kebendaan.

Akhir sekali saya menyeru ibubapa supaya menyokong segala usaha Kerajaan untuk memajukan pelajaran anak2 kita samada di-dalam bidang teknik, vokeshenal atau lain2 jurusan. Kita harus ingat bahawa apa yang di-ranchangkan oleh Kerajaan adalah untuk menolong masharakat kita supaya maju. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan saya berharap semua pehak yang berkenaan di-Maktab ini akan menjalankan tugas mereka dengan tekun, jujur dan ikhlas serta penoh minat dan semangat.

Kementerian Pelajaran,
Kuala Lumpur;

12hb Disember, 1970.





No Siri	7
No Penerimaan	08/7